



## PENGAGIHAN DAN BANTUAN ZAKAT AL-RIQAB DI MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU TERENGGANU (MAIDAM)

Nur Anisah Nordin\* & Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin  
[anisah.nordin90@gmail.com](mailto:anisah.nordin90@gmail.com)

Fakulti Kontemporari Pengajian Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, 21300 Kuala Nerus,  
Terengganu, Malaysia

---

### ABSTRAK

Kertas kerja ini membincangkan tentang pengagihan dan bantuan zakat kepada asnaf al-Riqab berdasarkan kepada definisi yang digunapakai oleh institusi zakat negeri Terengganu. Kertas kerja ini dilakukan adalah untuk melihat penggunaan pentafsiran dan bantuan yang digunakan kini di MAIDAM. Hal ini kerana asnaf al-Riqab merupakan antara asnaf yang didefinisikan dengan pelbagai definisi di setiap negeri di Malaysia. Bahkan, beberapa negeri pula menysihkan asnaf ini sebagai salah satu asnaf dalam agihan zakat. Objektif kertas kerja dibahagikan kepada dua. Pertama, menjelaskan pendefinisian al-Riqab yang digunakan oleh institusi zakat di Terengganu. Kedua, menganalisis perluasan tafsiran zakat al-Riqab yang digunakan di MAIDAM beserta bantuan dan jenis-jenis bantuan yang diberikan. Data-data dalam kajian ini dikumpulkan melalui kajian dokumen dan kemudiannya dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Dapatan kajian mendapati pentafsiran yang diguna pakai di MAIDAM bersifat meluas. Pengagihan bantuan dan jenis-jenis bantuan yang diagihkan kepada asnaf al-Riqab perlu dihebahkan dan diperluaskan secara berkesan dan efektif, menukar perkara negatif kepada positif.

**Kata Kunci:** Asnaf al-Riqab, agihan zakat dan bantuan.

---

### PENDAHULUAN

Di dalam al-Quran, Allah berfirman dalam surah at-Taubah: 60, tentang asnaf yang berhak menerima zakat. Senarai asnaf yang berhak menerima zakat iaitu mereka yang fakir, miskin, amil zakat, mualaf, hamba (*al-Riqab*), orang yang berhutang dan *fisabilillah*. Kedudukan *al-Riqab* di dalam al-Quran berada di posisi kelima daripada lapan senarai yang berhak menerima zakat. Berdasarkan ayat tersebut, asnaf *al-Riqab* disebut dengan jelas dalam al-Quran. Namun begitu seperti sesetengah institusi zakat seperti Johor tidak lagi memberikan zakat kepada asnaf *al-Riqab* kerana mereka berpendapat *al-Riqab* tidak wujud lagi pada masa kini (Hairunnizam Wahid, et al., 2015:41).

Selain itu, pengagihan zakat menjadi permasalahan dan isu hangat dalam kalangan

orang awam pada hari ini (Hamizul Abdul Hamid, 2012:222). Pelbagai tafsiran dan bentuk pengagihan yang diperlukan bagi asnaf yang lain seperti *Fisabilillah* dan *Ibn Sabil* (Mohd Rilizam Rosli, et al., 2017). Namun berbeza dengan asnaf *al-Riqab* masih dibincangkan sampai sekarang. Menurut Azman Abd. Rahman, et. al, (2014), sesetengah institusi zakat hanya mengambil pemahaman berdasarkan bahasa (*lugowi*) sahaja iaitu hamba *mukatab* yang perlu menebus dirinya dari tuannya. Di samping itu, terdapat juga isu yang sering menjadi persoalan tentang bantuan kepada golongan hamba, bagaimana pentafsiran yang dibuat pada masa kini.

Memandangkan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu (MAIDAM) Terengganu mengagihkan kepada asnaf *al-Riqab*, satu kajian perlu dijalankan bagi melihat pengagihan yang dilakukan MAIDAM. Oleh yang demikian, kertas kerja ini mencuba sekurang-kurangnya untuk menjelaskan secara umum pengagihan dan bantuan zakat *al-Riqab* di MAIDAM berdasarkan pentafsiran yang diberikan mereka.

## **METODOLOGI**

Kajian ini menggunakan kaedah dokumentasi bagi mendapatkan gambaran yang jelas berkaitan asnaf *al-Riqab*, bantuan dan jenis-jenis bantuan di institusi zakat di Terengganu, MAIDAM. Untuk mendapatkan maklumat berkaitan pendefinisian asnaf *al-Riqab*, pentafsiran karya-karya fiqh ulama tafsir yang membahaskan tentang perkara ini diteliti. Manakala dokumen-dokumen serta laporan-laporan agihan zakat di MAIDAM dikumpulkan bagi mendapatkan data berkaitan agihan zakat *al-Riqab*, bantuan dan jenis-jenis bantuan di MAIDAM. Menurut Kamarul Azmi Jasmi (2012), konsep dan isu dalam permasalahan tentang sesuatu fenomena memerlukan suatu maklumat. Kaedah analisis dokumen membantu untuk memahami dan meneliti dokumen yang diperolehi. Tambahan menurut Remesy et al. (2003), dokumen digunakan untuk menyokong dan menambahkan pembuktian yang lain.

Seterusnya, hasil daripada pengumpulan data tersebut akan dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Analisis kandungan digunakan untuk meneliti dan menjelaskan tafsiran yang terdapat dalam dokumen. Menurut Krippendorff (2004), analisis kandungan merupakan satu teknik penyelidikan yang berbentuk pengiraan yang mudah sampai analisis tematik dan analisis melalui data berbentuk teks.

Manakala Sabitha Marican (2005:170), mendefinisikan analisis kandungan sebagai satu penjelasan yang meneliti secara sistematik tentang sesuatu kandungan tersurat berbentuk teks. Perkara ini bertepatan dengan data-data yang dikumpulkan daripada dokumen berkaitan asnaf *al-Riqab* yang dianalisis bagi melihat pengagihan masa kini.

## **DAPATAN KAJIAN**

Kajian ini membahagikan perbincangan kepada tiga perkara. Pertama, pensyariatan zakat dalam Islam. Kedua, *al-Riqab* menurut Ulama' Tafsir. Ketiga, definisi dan pentafsiran *al-Riqab* di MAIDAM.

## **Pensyariatan Zakat *al-Riqab* dalam Islam**

Zakat merupakan salah satu rukun Islam yang lima (Khalid Abdullah, 2013:114). Hal ini menunjukkan Allah s.w.t memerintahkan agar umat Islam menegaskan terhadap kewajipan berzakat. Antara firman Allah s.w.t mengenai zakat dalam al- Quran:

*Maksudnya: "Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang mualaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang terputus bekalan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangny) daripada Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana."*

(Surah al-Taubah, 9:60)

Allah s.w.t turut berfirman dalam ayat yang lain dalam al-Quran menyatakan tentang zakat dapat menyucikan hati dan membersihkan jiwa:

*Maksudnya: Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan menyucikan mereka (dari akhlak yang buruk)....*

(Surah al-Taubah 9:103)

Manakala dalam hadis yang merupakan sumber kedua perundangan Islam juga ada disebutkan perihal zakat antaranya:

Maksudnya: Sesungguhnya Allah telah menfardhukan zakat sebagai pembersihan terhadap harta.

(Riwayat al-Bukhari no.4661)

Zakat merupakan satu ilmu fardu ain yang wajib dipelajari dalam setiap individu muslim (Hasnan Kasan, 2017:3). Kewajipan dalam berzakat mengandungi banyak hikmah dan kebaikan tanpa disedari. Antara hikmah pensyariatan zakat al-Riqab sebagaimana menurut Wahbah Mustafa az-Zuhaili (t.th:2018/3) menyatakan Islam datang bagi menghapuskan system perhambaan. Pemberian zakat kepada hamba yang memerlukan untuk membebaskan diri daripada perhambaan oleh tuan yang memilikinya. Perlaksanaan agihan zakat kepada hamba harus disegerakan. Pemberian zakat diberi kepada hamba yang tidak berupaya untuk menebus dirinya daripada tuannya (Dr Mustafa bin al-Khin, et al.,1992: 61/2).

Menurut Sa'id bin Ali bin Wahf Al-Qahtani, (2012:39) menyatakan agihan zakat digunakan untuk mengeluarkan perhambaan daripada tuannya. Pemberian zakat digunakan untuk mengeluarkan daripada perhambaan merupakan satu ibadah. Menghapuskan perhambaan merupakan ibadah dalam menunaikan kewajipan terhadap Allah, yakni mengeluarkan daripada kejahatan dan kekejian dalam sistem perhambaan. Bahkan penebusan ini memberi faedah kepada kedua-duanya, baik dari hamba dan juga pada tuannya (Syekh Sulaiman bin Muhammad bin Umar al-Bajairimi as-Syafi'I, 1995:362). Islam datang untuk menghapuskan sistem perhambaan, ini kerana manusia dilahirkan dengan kebebasan bukan perhambaan. Jesteru itu, pensyariatan zakat al-Riqab ini merupakan titik tolak pembangunan umat Islam bagi melahirkan masyarakat yang hormani dan tenteram dari segala sudut.

### ***Al-Riqab Menurut Ulama' Tafsir***

Islam menetapkan asnaf *al-Riqab* merupakan salah satu daripada firman Allah s.w.t. dalam surat al-Taubah:60. Agihan kepada asnaf *al-Riqab* telah dilakukan semenjak zaman Rasulullah sehinggalah kini. Kertas kerja ini cuba merungkai definisi *al-Riqab*

menurut ulama' tafsir secara ringkas berkaitan zakat.

Perkataan '*riqab*' merupakan jamak kepada '*raqabah*'. Raqabah dari sudut bahasa bermaksud batang leher, penghujung bahagian kepala atau bahagian badan. Manakala dari sudut istilah, raqabah bermaksud hamba yang dimiliki (al-Razi, 1420 H: 86/16, al-Jaziri, 2003: 564).

Menurut Rashid Ridha (1999, 10:598) berpendapat asnaf al-riqab merupakan suatu bangsa yang ingin melepaskan diri mereka daripada penjajahan dan memperjuangkan kemerdekaan. Hal ini kerana penjajahan merupakan cara perhambaan yang jauh lebih merbahaya terhadap nilai kemanusiaan. Oleh itu membebaskan umat Islam yang dijajah turut termasuk dalam asnaf riqab. Pendapat ini disokong oleh Mahmud Syaltut (t.th.: 446) dan Muhammad Sayyid Sabiq (2012, 132). Kedua-dua mereka berpendapat asnaf al-Riqab adalah hamba yang terbelenggu dan diikat oleh tuannya daripada melakukan segala urusan secara bebas. Menurut Yusuf al-Qaradhawi (2011:416) pula, istilah riqab bermaksud membebaskan hamba sama ertinya dengan melepaskan belenggu yang mengikatnya. Al-Riqab yang dimaksudkan di sini mengeluarkan dari perhambaan diri yang mengikat mereka untuk menjalani hidup sebagai orang merdeka, bukannya hamba dan belenggu jahiliah kepada islam sebenar.

Menurut Al-Khasysyaaf, (1407 H:283) dan al-Qardhowi, (1973:71/2), berpandangan dalam firman Allah Taala dalam surah al-Taubah dalam menetapkan sedeqah. Ayat al-Quran ini diangkat ketetapanannya dalam kelebihan zakat. Pada golongan empat terawal yaitu orang fakir, orang miskin, amil dan muallaf, Allah mengangkat penggunaan huruf 'lam', berbanding pada empat golongan huruf 'Fi'. Ini menunjukkan empat golongan terakhir paling diutamakan berbanding empat golongan yang awal. Sedangkan menurut al-Bujairami al- Syafi'i, (1995) dan al-Razi, (420 H: 282;2) menyatakan, firman Allah yang menyadarkan empat golongan pertama dengan memakai huruf 'lam' sedangkan golongan terakhir dengan huruf fi'zharfiyyah. Untuk memberi isyarat kepada empat golongan awal tentang batasan golongan terakhir, yang mana pengagihan empat golongan pertama perlu diagihkan. Jika tidak diagihkan mereka boleh mengambil daripada empat golongan terakhir, begitu juga sebaliknya.

Menurut Muhammad Rasyid Reda, (1990:436/10), menyatakan golongan terawal dan terakhir perlu dipecahkan kepada dua kumpulan. Kumpulan pertama, kumpulan peribadi, manakala kumpulan kedua merupakan kumpulan kemaslahatan. Kumpulan peribadi dipengaruhi orang fakir, orang miskin, amil dan muallaf. Kumpulan kemaslahatan adalah seperti *al-Riqab*, *Fisabilillah*, orang berhutang dan ibnu sabil. orang berhutang dan ibnu sabil diathafkan kepada perkatan yang terdekat dan bukan dari kumpulan kemaslahatan bahkan dimajrurkan kepada huruf 'lam' li. Oleh kerana itu orang berhutang dan ibnu sabil termasuk dalam kumpulan pertama yaitu kumpulan peribadi.

Kesimpulannya, *al-Riqab* menurut beberapa ulama merujuk kepada orang yang dibelenggu oleh sistem perhambaan jahiliyyah. Jelaslah *al-Riqab* perlu dibebaskan daripada sistem perhambaan ini. Oleh yang demikian, Islam mensyariatkan satu mekanisme iaitu zakat bagi menebus mereka yang berada dalam sistem perhambaan ini melalui asnaf *al-Riqab*. *Al-Riqab* termasuk kemaslahatan ummat Islam yang ingin keluar dari kehinaan dan kekejian dari sistem perhambaan.

### Definisi dan pentafsiran *al-Riqab* di MAIDAM

Asnaf *al-Riqab* termasuk dalam salah satu asnaf yang masih digunakan di MAIDAM. Asnaf *al-Riqab* mendapat ruang dalam pengagihan zakat masa kini di sesetengah institusi zakat di Malaysia. Perkara ini juga termasuklah dalam sistem agihan zakat di Malaysia. Antara definisi yang diguna pakai bagi asnaf *al-Riqab* di negeri Terengganu.

Jadual 1: Definisi *al-Riqab* di MAIDAM

Negeri	Definisi	Diagihkan kepada <i>al-Riqab</i>
Terengganu	Memerdekakan orang-orang Islam daripada cengkaman perhambaan dan penaklukan sama ada dari segi cengkaman fizikal atau mental seperti cengkaman kejahilan dan terbelenggu di bawah kawalan orang-orang tertentu.	Diperluaskan agihan

(Sumber: Portal Majlis Agama di Institusi Zakat (MAIDAM) Terengganu).

Berdasarkan jadual 1, negeri Terengganu mengagihkan kepada asnaf *al-Riqab*. Di MAIDAM juga turut memperluaskan lagi definisi *al-Riqab*, memerdekakan orang-orang Islam daripada cengkaman perhambaan. Cengkaman perhambaan samaada dari segi fizikal atau mental, seperti belunggu kejahilan dan masalah sosial dan akidah, berikut menunjukkan bantuan dan jenis-jenis bantuan *al-Riqab* yang diperluaskan menurut fatwa semasa di MAIDAM:

Jadual 2: Bantuan dan Jenis-Jenis Bantuan di MAIDAM

Bil.	Bantuan <i>al-Riqab</i>	Jenis-Jenis Bantuan
1.	<b>Bantuan Pengurusan dan Rawatan di Pusat Hemodialisis</b>	(1) Bantuan Perubatan seperti ubat-ubatan dan lain-lain. (2) Bantuan Hemodialisis seperti cuci darah. (3) Bantuan Tambang Hemodialisis.  *Semua jenis-jenis bantuan di atas di bawah peruntukkan Fakir dan Miskin
2.	<b>Bantuan Pengurusan Rumah Perlindungan Pesakit Kronik/HIV.</b>	<b>Pusat Permulihan Dadah:</b> (1) Pondok Remaja Jinabah. (2) Pondok Jenogor. (3) Baitul Cakna Lelaki (4) Baitul Cakna Perempuan
3.	<b>Bantuan Permurnian Akidah/ Permulihan Akhlak</b>	<b>Permurnian Akidah/ Permulihan Akhlak</b> seperti <b>Bantuan Peningkatan Ilmu di :</b> (1) Baitul Ehsan (2) Baitul Iman * Diputuskan oleh Mahkamah untuk dihantar ke Baitul Ehsan dan Baitul Iman.

(Sumber: W. Mohd. Helmi Wan Mohd. Samsudin, 2018).

Hasil temubual yang dibuat oleh penyelidik, bantuan *al-Riqab* yang diberikan di MAIDAM terbahagi kepada tiga. Pertama, Bantuan Pengurusan dan Rawatan di Pusat Hemodialisis. Kedua, Bantuan Pengurusan Rumah Perlindungan Pesakit Kronik/HIV dan yang ketiga, Bantuan Pemurnian Akidah/ Pemulihan Akhlak.

Berdasarkan kepada perbincangan sebelum ini, negeri Terengganu mengagihkan zakat kepada asnaf al-Riqab. Namun, terdapat juga beberapa bantuan yang diagihkan untuk asnaf *al-Riqab* menggunakan peruntukkan asnaf yang lain. Hujah mereka ialah bantuan asnaf *al-Riqab* berkait rapat dengan fakir dan miskin. Oleh yang demikian, sesetengah bantuan yang disalurkan menggunakan peruntukkan bagi asnaf fakir dan miskin. Hal ini kerana mereka mengikut turutan daripada surah At-Taubah:60

## ANALISIS

Berdasarkan kepada perbincangan, terdapat perbezaan antara agihan zakat kepada asnaf *al-Riqab* pada awal Islam sehingga masa kini. Sebahagiannya meluaskan definisi asnaf *al-Riqab* dan sebahagian yang lain tidak meletakkan *al-Riqab* sebagai penerima zakat kerana asnaf ini sudah tidak wujud. Namun, terdapat sedikit perbezaan yang dilakukan oleh MAIDAM iaitu memperluaskan bantuan tersebut kepada tiga. Bagi Bantuan Pengurusan dan Rawatan Hemodialisis, MAIDAM memperluaskan dengan peralatan, ubat-ubatan, mesin dan lain-lain. Bantuan ini menggunakan peruntukkan daripada asnaf fakir dan miskin. Hal ini kerana agihan tersebut diminta oleh orang yang tidak berkemampuan dari sudut kewangan iaitu asnaf fakir dan miskin.

Selain itu, MAIDAM memberikan Bantuan Pengurusan Rumah Perlindungan Pesakit Kronik/HIV. Antaranya ialah pusat pemulihan dadah di Pondok Remaja Jinabah, Pondok Jenogor, Baitul Cakna Lelaki dan Baitul Cakna Perempuan. Latihan dan ilmu diberikan kepada mereka untuk berdikari apabila keluar dari pusat tersebut. Justeru, antara latihan yang diberikan ialah menjahit dan menanam. Peruntukkan tersebut menggunakan zakat *al-Riqab*, jika zakat *al-Riqab* tiada, zakat bahagian Fisabilillah akan menjadi galang ganti. Agihan zakat *al-Riqab* di MAIDAM diharap dapat ditukarkan kepada perkara yang negatif kepada positif. Seterusnya, Bantuan Pemurnian Akidah/ Pemulihan Akhlak. Bantuan ini biasanya akan diputuskan oleh mahkamah. Hukuman yang dikenakan berdasarkan kesalahan yang dilakukan. Setakat ini, MAIDAM telah menghantar 83 orang pada tahun 2017. Menurut Zulkifly Muda (2015:26), penubuhan Pusat Wanita Baitul Ehsan disediakan untuk remaja yang melahirkan anak luar nikah dan perlindungan ketika berpantang. Oleh itu, bagi asnaf al-Riqab, penubuhan pusat tersebut dapat mendorong ke arah keredhaan Allah melalui kaedah merawat, memulih dan memberi perlindungan



mengikuti perintah agama. Semua bantuan yang diberikan oleh MAIDAM perlu dihebahkan untuk masyarakat agar mereka mengetahui dan memanfaatkan bantuan tersebut sebaik mungkin.

Pandangan ulama Islam perlu diambil kira. Contohnya, Rashid Ridha. Beliau dan Mahmud Syaltut mengatakan *asnaf al-Riqab* ialah usaha untuk menghilangkan belenggu (perhambaan) dan penghinaan orang-orang Islam yang dijajah. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Zulkifly Muda (2015: 25), mereka harus dibebaskan bukan sahaja daripada penjajahan harta benda bahkan dengan segala harta dan jiwa orang-orang Islam semuanya. Hal ini kerana umat Islam mempunyai tanggungjawab untuk membantu sesama Islam yang lainnya.

Kertas kerja ini melihat kepada keperluan untuk meluaskan pentafsiran zakat *asnaf al-Riqab* untuk memastikan zakat tersebut mendapat pembelaan yang sewajarnya selari dengan masa sekarang. Walau bagaimanapun, terdapat juga keperluan untuk menjalankan satu usaha bagi meluaskan lagi pentafsiran *asnaf zakat* di Malaysia. Hal ini akan menukarkan perkara yang negatif kepada positif. Oleh itu, *asnaf al-Riqab* berhak dijalankan kerana akan menguntungkan semua umat Islam. Berdasarkan ijtihad yang dikeluarkan oleh Mufti, peruntukan *asnaf riqab* masih ada tetapi digunakan untuk pembangunan *asnaf- asnaf* yang lain memandangkan golongan *riqab* tidak lagi wujud pada masa sekarang.

## **KESIMPULAN**

Kertas kerja ini membincangkan secara terperinci tentang kajian berkenaan Pengagihan dan Bantuan Zakat *al-Riqab* di Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM). Kertas kerja ini menyimpulkan kepada beberapa kesimpulan:

1. Pengagihan dan bantuan bagi zakat *al-Riqab* perlu dihebahkan untuk pengetahuan masyarakat tentang agihan tersebut. Jika tidak dihebahkan, ini akan menyebabkan mereka yang berhak menerima bantuan tersebut akan tercicir.
2. Tafsiran yang baru bagi agihan zakat *al-Riqab* di MAIDAM dapat membawa kepada perkara negatif kepada positif.
3. Usaha untuk memperluaskan tafsiran zakat ini perlu dibincang dan

diputuskan segera agar membawa kepada kebaikan dalam kalangan masyarakat Islam untuk masa depan.

## Bibliografi

- Abdul Rahman bin Muhammad 'Awad al-Jaziri, (2003). *Al-Fiqh 'ala al- Mazahib al-Arba'ah*. Beirut-Lubnan: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Abu Abdullah Muhammad Ibnu Umar Ibn al-Husin al-Taimi al-Bakri al- Tabaristani Fakruddin al-Razi, (1420 M). *Al-Khabir/ Mafatihul Khoib*. Beirut- Lubnan: Dar Ihyana al-Tirasa al-Arabi.
- Al-Bukhari, Abu 'Abd Allah Muhammad bin Isma'il. (2002). *Sahih al-Bukhari*. Cet. ke-2. Beirut- Lubnan: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Al-Kasysyaaf, Abu al-Qasim Mahmud ibn Umar al-zamakhshari, (1407). *Al- Kasysyaaf 'An-Haqaq'iq Ghawamidh at-Tanziil*. Beirut-Lubnan: Dar al-Kitab al- arabi.
- Al-Qaradhawi Yusuf. (2011). *Fiqh al-Zakat*. Beirut: Muassasah al-Risalah al- Nasyirun.
- Azman Abd Rahman, Arief Salleh Rosman, Ahmad Wifaq Mokhtar, Mohd Nasir Abdul Majid dan Ahamad Najaa' Mokhtar, (2014). *Kedudukan ar-Riqab Sebagai Penerima Zakat dalam Konteks Pada Masa Kini. Kajian di Majlis Agama Islam Selangor*, pnyt, Majlis Agama Islam Selangor dan Universiti Sains Islam Malaysia.
- Dan Remenyi, Brian Williams, Arthur Money & Ethne Swartz, (2003). *Doing research in business and management: an introduction to process and methods*. London: SAGE Publications.
- Dr Mustafa al-Khin, Dr Mustafa al-Bugha dan Ali Asy-Syarbaji, (1992). *Al-Fiqh al-Manhaji Mazhab al-Syafi'i*. Damsyik-Syria: Dar al-Qalam.
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad Khairani Ishak dan Ima Mardhiyah Dawi Cahyono. Cadangan Bantuan Zakat Asnaf *Al-Riqab* Terhadap Banduan Melalui Latihan Vokasional Di Penjara: Kajian Di Penjara Wanita Kajang, Selangor, Dlm. Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke-10 (PERKEM 10), *kekayaan Terangkum Teras Pembangunan Lestari*, Melaka Bandaraya Bersejarah, 18-20 Sept., 2015, pnyt, Universiti Kebangsaan Malaysia :Selangor. 2015.
- Hamizul Abdul Hamid, (2012). *Eksklusif Zakat*, Cet. 1, Selangor Hasnan Kasan, (2017). *Akhlaq Pelajar Cemerlang*, Cet. 7, Terengganu.
- Ibnu Manzur, Abu al-Fadl Jamal al-Din Muhammad bin Mukram al-Misri (1990). *Lisan al- 'Arab*. Beirut: Dar Sadir.
- Khalid Abdullah Asy-Syafiqah, (2003). *Puasa dan Zakat*, Cet 1. DKI Jakarta: Pustaka Azzam.
- Krippendorff, (2004). *Content Analysis: an introduction to its methodology*. 2<sup>nd</sup> ed. California and London: SAGE.
- Mahmud Syaltut. (1972). *Al-Islam Akidah wa Shariah*. Beirut-Lubnan: Dar al- Syuruq.

Mohd Rilizam Rosli, Hussin Salamon dan Azman Ab Rahman. Pengurusan Agihan Zakat Riqab Berdasarkan Realiti Semasa, Selangor. Dlm. *E-Proceeding of the 4<sup>th</sup> International Conference on Masjid, Zakat and Waqf Management (IMAF 2017), 4<sup>th</sup> dan 5<sup>th</sup> Desember 2017*, pnyt, Kolej Universiti Islam Selangor, Selangor, 2017.

Muhammad Rashid Ridha. (1999). *Tafsir Al-Manar*. Kaherah: Dar al-Kutub al- 'Ilmiyyah.

Sabitha Marican. (2005). *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*, Petaling Jaya. Pearson Hall.

Sa'id bin Ali bin Wahf Al-Qahtani. (012). *Al-Manzilatul Zakaah fil Islam*. Riyadh: Muasasah al-Jarsi litauzi' wal I'lan

Sayyid Sabiq, 2012. *Fiqih Sunnah*, Cet. IV (Jakarta: Pena Pundi Aksara.

Syekh Sulaiman bin Muhammad bin Umar al-Bajairimi as-Syafi'i, (1995).

*Hasyiyah Bujairimi 'alal Khathib*. Damsik-Syria: Dar Fikr.

W.Mohd Helmi Wan Mohd Samsudin, bertarikh 14 Mac 2018 sebagai Penolong Setiausaha (Sosial dan Kemanusiaan.

Wahbah Mustafa az-Zuhaili, (t.th). *al-Fiqih Islam Wa Adillatuhu*. Damsyik-Syria: Dar Fikri.

Zukiflily Muda, (2015). *Isu-isu Zakat, Wakaf dan Perkuburan*, Cet. 1, Terengganu.

### **Laman Web**

Siapa Penerima Zakat, 2013, <http://www.maidam.gov.my/index.php/index.php/perkhidmatan-kami/agihan-zakat/404-siapa-penerima-zakat> Diakses pada 29 Oktober 2017.